

Stesen KTMB

BH 18 APR 2001

Oleh Nurul Hazren Masitom

KUALA LUMPUR, Selasa - Stesen kereta api Kuala Lumpur yang sudah menjadi pusat perkhidmatan kereta api negara ini sejak 1885, akan diubah suai sebagai bangunan warisan dan dijadikan mercu tanda negara yang baru.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan melantik syarikat perunding bagi memberi nasihat dan panduan bagaimana memulihara bangunan warisan itu.

"Kita akan jadikan stesen kereta api berusia 116 tahun itu sebagai mercu tanda yang bukan saja memiliki daya penarik kepada rakyat tempatan, malah pelancong asing yang datang ke negara ini.

"Bangunan di lokasi lama itu masih cantik walaupun kini suram berikutan pembukaan KL Sentral, semalam. Bagaimanapun, ia akan terus kekal sebagai satu daripa-

"Kita akan jadikan stesen kereta api berusia 116 tahun itu sebagai mercu tanda yang bukan saja memiliki daya penarik kepada rakyat tempatan, malah pelancong asing yang datang ke negara ini"

- Datuk Seri Dr Ling Liong Sik

da perhentian bagi perkhidmatan tren Komuter KTM," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar 'Urusniaga Online' anjuran MCA, di sini, hari ini.

Seminar itu dihadiri kira-kira 600 peserta pelbagai sektor.

Dr Ling berkata, adalah menjadi satu pengalaman menarik bagaimana mencipta semula bangunan warisan sebagai sebahagian daripada muzium, pusat komersil dan pasar seni.

"Sebagai contoh, pasar seni seperti Victoria Station di Sydney, Australia dan Melbourne menjadi tarikan pelancong. Kebanyakan daripada pasar berkenaan mempamerkan ciri-ciri lama yang unik," katanya.

Ditanya sama ada syarikat perunding yang akan dilantik itu adalah syarikat tempatan atau luar negara, beliau berkata, KTMB akan membuat keputusan mengennainya.

Mengenai KL Sentral, beliau berkata, bangunan

itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Stesen KL Sentral akan menjadi terminal pengangkutan awam bersepadu antara bandar dengan semua sistem pengangkutan awam termasuk kereta api,

bangunan warisan

KTM Komuter, Sistem Transit Aliran Ringan Putra (Putra LRT), teksi dan bas beroperasi di situ.

Dr Ling berkata, KL Sentral mempunyai banyak kemudahan, justeru kebanyakan perkhidmatan pengangkutan akan tertumpu di sana dan dikendalikan oleh syarikat berkenaan termasuk Hubungan Rel Ekspres (ERL) yang akan beroperasi tahun depan.

Katanya, kemudahan pemeriksaan keluar dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang diperkenalkan di stesen itu juga adalah yang pertama di dunia.

"Pemeriksaan masuk di mana-mana tempat di dunia adalah biasa tetapi bagi pemeriksaan keluar, KL Sentral adalah yang pertama menguruskan perkhidmatan demikian," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau yang juga Presiden MCA berkata, pihak-

nya sedang mengkaji untuk membesarkan Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) kerana ia kini sudah tidak mampu menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat.

Katanya, bagi sesi kemasukan Jun ini, KTAR menerima 30,000 permohonan tetapi hanya 10,000 saja yang akan diterima masuk.

Oleh itu, beliau berkata, cadangan menjadikan kolej itu sebagai sebuah universiti dapat menjimatkan perbelanjaan kerana pelajar tidak perlu lagi ke luar negara, sekaligus mengurangkan pengaliran keluar mata wang.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Ling berkata, satu daripada sebab bagi kerajaan untuk beralih kepada k-ekonomi (ekonomi pengetahuan) ialah bahawa negara ini kekurangan kelebihan pasaran pelanggan yang besar.

"Jadi pertumbuhan berorientasikan eksport adalah strategi pertumbuhan yang lebih berdaya maju. Masalahnya yang sepertimana anda semua sedar ia mungkin kehilangan daya saingnya dalam pasaran eksport akibat peningkatan kos buruh dan perkhidmatan," katanya.

Oleh itu, beliau berkata, negara perlu keluar daripada pembuatan tambah nilai rendah yang berintensifkan buruh dan membangunkan bidang baru yang menikinati kelebihan perbandingan kukuh dan atas sebab itu, kerajaan memutuskan untuk membangunkan k-ekonomi.

"Jika berjaya, peralihan kepada k-ekonomi boleh membawa kepada tempoh pertumbuhan yang amat cepat bagi negara ini, namun kegagalan, bagaimanapun akan bermakna ekonomi tidak berkembang atau lebih teruk, terencat," katanya.